



Ruj.Kami: ANM(A)NS.078 JLD.22 (3)
Tarikh : 10 Mac 2025

**Semua Ketua Jabatan
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

PENYEDIAAN PENGESAHAN BAKI OLEH PTJ PEMBAYAR BAGI PENYEDIAAN KERTAS KERJA SOKONGAN (KKS) LEJAR AKRUAN BAGI PENUTUPAN AKAUN AKHIR TAHUN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN KEWANGAN 2024 (31 DISEMBER 2024)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas dan surat Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bernombor rujukan JANM.600-2/2/4 (8) bertarikh 16 Oktober 2024 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan, JANM perlu menyediakan Kertas Kerja Sokongan (KKS) Lejar Akruan bagi Penutupan Akaun Akhir Tahun Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun Kewangan 2024 (31 Disember 2024) untuk dikemukakan kepada Kementerian dan Ibu Pejabat JANM bagi tujuan pengauditan oleh Ketua Audit Negara. Bagi tujuan tersebut pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) Pembayar perlu menyediakan dan mengemukakan Pengesahan Baki berdasarkan Panduan Penyediaan Pengesahan Baki yang dilampirkan bagi item penyata kewangan/kod akaun seperti jadual berikut:

Bil	Item Penyata Kewangan/Kod Akaun Yang Memerlukan Pengesahan Baki	Lampiran yang perlu dikemukakan	Dikemukakan kepada:
1.	Inventori (Siri A06* dan A07*) – bagi PTJ inventori sahaja	Lampiran C1	Unit Pengurusan Aset (UPA) JANM Negeri Sembilan
2.	Aset Bukan Kewangan (Siri A14* - A25*)	Lampiran B3-C-A1 (PTJ)	06-768 6866 / 6864 / 6860 / 6859 / 6862

Excellent Accounting @ Your Service



3.	Perbelanjaan Terdahulu Aset (Siri A053*)	Lampiran D2	Unit Pengurusan Aset (UPA) JANM Negeri Sembilan 06-768 6866 / 6864 / 6860 / 6859 / 6862
4.	Aset Belum Bayar (Siri L013*)	Lampiran G1	
5.	Akaun Belum Bayar GRN/FRN Transit Aset (L0191103)	Lampiran G3	
6.	Hasil Bukan Cukai Belum Terima (A027*) dan Pindahan Belum Terima (A028*)	Lampiran B2	
7.	Terimaan Tak Ditunai / Cek Tak Laku (A0311101)	Lampiran B3	
8.	Akaun Belum Terima (ABT) <i>Ongoing Receivables</i> (Siri A048*)	Lampiran B7 Lampiran B7(A)	Unit Akaun JANM Negeri Sembilan 06-768 6875 / 6871 / 6892/ 6830 / 6839 / 6890 / 6835
9.	Deposit Bayaran/Bekalan Perkhidmatan (Siri A052*)	Lampiran D1 (A) Lampiran D1 (B)	
10.	Wang Pendahuluan Kontraktor (WPK) (A0591101)	Lampiran D3 (A)	
11.	Pendahuluan Dana Pembiayaan Utiliti (A0591102)	Lampiran D4(A)	
12.	Pendapatan Terdahulu (Siri L037*)	Lampiran L	
13.	Deposit (Siri L11*)	Lampiran N (A) Lampiran N (B)1 Lampiran N (B)2 [<i>Jika Berkaitan</i>]	

3. Pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan juga hendaklah memastikan Pengesahan Baki tersebut disediakan dengan tepat beserta dengan semua dokumen sokongan yang lengkap dan dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Sembilan **selewat-lewatnya pada 13 Mac 2025 (Khamis)**. Turut dilampirkan Panduan Penyediaan Kertas Kerja Sokongan Penutupan Akaun Akhir Tahun Kerajaan Persekutuan bagi Tahun Kewangan 2024 – Lejar Akruan (31 Disember 2024) untuk rujukan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan.

4. Perhatian dan Kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai bagi memastikan kelancaran penyediaan Kertas Kerja Sokongan Lejar Akruan bagi Penutupan Akaun Akhir Tahun Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun Kewangan 2024 (31 Disember 2024).

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan”

Saya yang menjalankan amanah,



(ROSNANI BINTI MOHAMAD@AHMAD c.A (M))

Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan